

Perkembangan Syiah di Indonesia & Malaysia: Tohmahan Abu Bakar RA Menyanggahi Nas Dalam Al-Naş Wa Al-Ijtihād oleh Al-Sayid Al-Mūsawī

Mohd. Azri Bin Mohd. Nasaruddin

Unit Pengajian Islam dan Falsafah, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
Address: 06010 Sintok Kedah Darul Aman, Malaysia +604928 5707/+604928 5709

Corresponding author
mohd.azri@uum.edu.my

Abstract: Al-Sayid Al-Mūsawī merupakan seorang mujtahid di kalangan Syiah Imamiyah, di mana idea dan penulisan beliau banyak digunakan sebagai medium penyebaran fahaman Syiah, termasuk Syiah di Malaysia dan Indonesia. Di antara penulisan utama Al-Sayid Al-Mūsawī ialah Al-Naş Wa Al-Ijtihād, di mana di dalamnya Al-Sayid Al-Mūsawī mendakwa bahawa Abu Bakar Al-Şiddiq RA tidak berkelayakan untuk berijtihad, bahkan Abu Bakar RA didakwa telah mengeluarkan ijtihad yang bercanggahan dan nas qat'iy daripada Al-Quran dan hadis Nabi SAW. Objektif artikel ini ialah untuk melihat kembali pra-syarat kelayakan ijtihad para sahabat RA, dan menentukan kelayakan Abu Bakar Al-Şiddiq RA dalam memenuhi pra-syarat yang ditetapkan ini. Seterusnya artikel juga akan menganalisis beberapa sampel dakwaan yang dilakukan Al-Sayid Al-Mūsawī daripada Al-Naş Wa Al-Ijtihād. Keputusan menunjukkan bahawa Abu Bakar Al-Şiddiq RA memenuhi semua pra syarat ijtihad yang ditetapkan Nabi SAW. Dakwaan-dakwaan yang dilakukan oleh Al-Sayid Al-Mūsawī pula dilihat tidak didasarkan pada riwayat yang sahih, atau kefahaman yang jitu berkenaan riwayat tersebut. Abu Bakar RA sama sekali tidak didapati pernah menyanggahi mana-mana nas Al-Quran dan Al-Hadis, bahkan ijtihad beliau adalah bertepatan dengan kehendak dan objektif yang terkandung di dalamnya.

Keywords: *Ijtihad sahabat, Al-Sayid Al-Mūsawī, qat'iy, Al-Naş Wa Al-Ijtihād.*

Pengenalan

Kedatangan dan penyebaran Syiah di rantau Asia Tenggara merupakan isu yang berterusan dan semakin menular. Medium utama penyebaran fahaman ini adalah melalui idea dan pemikiran yang dibawa oleh para penulis Syiah yang turut mengkaji sumber dan rujukan Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah. Di antara para penulis ini, nama Al-Sayid 'Abd Al-Ḥusain Al-Mūsawī merupakan antara nama yang utama, disebabkan status beliau sebagai seorang mujtahid di kalangan Syiah, dan juga kemahiran beliau mempertahankan dakyah dan ideology Syiah Imamiyah dengan mengemukakan bukti yang diambil daripada koleksi hadis dan riwayat Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah. Pembuktian sebegini dilihat sangat berkesan berbanding tuduhan kosong atau bukti dakyah daripada koleksi Syiah Imamiyah sendiri. Buku tulisan Al-Mūsawī yang berjudul Al-Murāja'āt, telah diterjemahkan kepada sepuluh (10) bahasa dunia yang berlainan. Termasuk juga ke dalam bahasa Melayu yang berjudul Dialog Sunnah-Syiah. Buku ini merupakan medium utama bacaan penyebaran Syiah di Indonesia dan Malaysia. Namun, selain daripada buku ini, pada

hakikatnya beliau mempunyai buku berlainan judul yang lebih menumpukan kepada dakyah beliau dengan kekufuran para sahabat yang utama, termasuk Abu Bakar Al-Şiddiq RA. Idea penulisan beliau ini kemudian turut diambil di dalam penulisan Syiah di rantau ini, termasuk buku Meniti Titian Kebenaran tulisan Khair Izzah yang membuka bab yang khusus dalam membincangkan 'rencana' Abu Bakar RA merampas jawatan khalifah daripada 'Alī Bin Abī Ṭālib RA. Oleh itu, satu bentuk analisis berkenaan dengan pertuduhan dan dakyah yang dinukilkan oleh Al-Mūsawī ini dilihat sebagai satu langkah yang penting dan menghadapi gelombang penyebaran Syiah Imamiyah di rantau Kepulauan Melayu ini.

Perkembangan Syiah

Indonesia

Penyebaran Syiah di Indonesia dikatakan berlaku di dalam empat (4) fasa yang berbeza (Moh. Hasim 2012, Oki Setiana 2016). Fasa pertama adalah kedatangan masyarakat Islam keturunan Parsi daripada Gujarat, India, ke kerajaan Samudra Pasai yang terletak di Aceh. Pemerintah Aceh pada saat itu yang dikenali

Merah Silu telah memeluk Islam versi Syiah, dan menukar namanya kepada Malikul Soleh (Helmianti, 2014). Walaubagaimanapun era pertama kemasukan Syiah ini tidak bertahan lama setelah tampuk pemerintahan diambil alih oleh Sultan Iskandar Tsani. Kelompok Syiah didakwa menyembunyikan amalan dan pegangan mereka bagi mengelakkan konfrontasi, sehinggalah perkembangan Syiah masuk ke fasa yang kedua, iaitu fasa Revolusi Iran 1979.

Pada fasa kedua ini, kejayaan Ayatullah Al-Khomeinī menjatuhkan kerajaan Shah Pahlavi (Muzaffar, Rizwana & Naila, 2018) telah menjadi pencetus kepada semangat generasi muda di Indonesia, termasuk di dalam kalangan pemikir Ahl Al-Sunnah. Amin Rais penggerak Muhammadiyah pada ketika itu telah menterjemahkan tulisan Ali Shariati "The Role of Muslim Scholars" kepada bahasa Indonesia (Moh. Hasim, 2012). Kemaraan fahaman Syiah ini telah mendapat tentangan berbentuk tulisan daripada golongan majoriti Ahl Al-Sunnah, dengan menterjemah dan menerbitkan buku dan tulisan lisan Ilahi Zahir sebagai usaha menyekat perkembangan ini. Majelis Ulama Indonesia pada tahun 1984 telah menyebut dengan jelas perbezaan uşūl Syiah dengan Ahl Al-Sunnah, sekaligus memberikan amaran kepada masyarakat awam agar tidak terpedaya dengan penyebaran ajaran ini.

Pada fasa ketiga, fahaman Syiah semakin berakar dan menular, apabila kelompok Syiah mula mendalami ilmu-ilmu fekah Syiah melalui para habāib yang menuntut ilmu Syiah di Khum, Iran. Secara langsung difahami pada penyebaran praktik ritual dan amalan fekah Syiah melahirkan lebih banyak perbezaan dan benih konflik dengan Ahl Al-Sunnah (Oki Setiana, 2016).

Pada fasa keempat yang turut berlangsung sehingga kini, kelompok Syiah sudah mula membentuk organisasi dan kumpulan mereka secara rasmi. Seperti contoh, Ikatan Jemaah Ahlul Bait Indonesia (IJABI) yang terbentuk pada 1 Julai 2000 (Moh. Hasim, 2012). Ikatan ini berusaha mengembangkan fahaman Syiah melalui beberapa cara (H. As'ad, 2011). Pertama, penerbitan dan penyebaran buku-buku fahaman Syiah, termasuk tulisan Al-Sayid Al-Mūsawī yang bertajuk Dialog Sunnah-Syiah. Buku-buku inilah yang kemudiannya dibawa masuk dan dikembangkan di Malaysia. IJABI juga turut menyediakan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di Iran. Kaedah ketiga mereka adalah turut mengadakan acara dan perayaan Syiah di kalangan

masyarakat awam bagi mengembangkan ideologi mereka (H. As'ad, 2011). Kini, gerakan Syiah dikawal secara aktif oleh Islamic Cultural Center (ICC) di bawah pimpinan Mohsen Hakimullah yang didatangkan daripada Iran. Pusat ini merupakan pantauan penuh Supreme Cultural Revolution Council (SCRC) Iran dan masih aktif sehingga ke masa kini.

Malaysia

Syiah Imamiyah Mazhab Imam Dua Belas dan juga Syiah Zaidiyah merupakan ajaran yang telah diharamkan untuk diamalkan di semua negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia (Perlis 2012, Negeri Sembilan 1996, Kelantan 1996, Sabah & Sarawak 1996). Namun demikian, ajaran ini masih disebar secara sembunyi, sehingga dijangkakan pada tahun 2010, terdapat sekitar 3,000 penganut Syiah daripada kalangan masyarakat Malaysia (Ahmad Suhael, 2016). Kemasukan ajaran Syiah ke Malaysia sudah dikesan berlaku daripada kurun ke-19, iaitu dengan kemasukan Syiah Dāwūdī Buhra. Mereka merupakan pecahan daripada Syiah Al-Isma'īliyyah, dan sangat aktif di dalam bidang perniagaan. Malahan perkataan "buhra" bermaksud peniaga di dalam bahasa India kuno (Blank, 2001). Jumlah penganut Syiah Dāwūdī Buhra walaubagaimanapun tidak ramai, hanya sekitar 400 pengikut (Ali, 2008), dan mereka juga telah berhijrah ke Singapura bagi mengembangkan empayar perniagaan mereka. Selain daripada Syiah Dāwūdī ini, Syiah yang turut meresap ke dalam negara ialah Syiah Agha Khān, juga pecahan daripada Syiah Al-Isma'īliyyah (Mānī' Bin Ibrāhīm, 1418H). Namun, kajian daripada Seksyen Akidah (2011) daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dua fahaman Syiah ini tidak berbentuk gerakan missionary¹. Fahaman dan amalan mereka hanya terbatas kepada kaum keluarga dan komuniti tersendiri. Oleh yang demikian, fahaman ini tidak bergerak aktif, dan penyebaran fahaman mereka di peringkat dunia sekalipun hanya terbatas kepada Syiah Mazhab Imam Dua Belas sahaja, tidak kepada golongan Ahl Al-Sunnah Wal Al-Jamaah khususnya di Malaysia.

Namun demikian, lain halnya dengan Syiah Imamiyah Mazhab Imam Dua Belas. Kemasukan fahaman ini bermula daripada tahun terjadinya Revolusi Iran 1979 (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2011). Seawal tahun 1983, seramai 200 orang masyarakat Islam Malaysia terlibat dengan ajaran ini. Sulaiman (1996) menukulkan bahawa sebahagian rakyat Malaysia pada tahun yang sama telah menghadiri Mu'tamar Al-'Ālamīy Li Al-Ḥaj yang diadakan di Dhaka, Bangladesh,

¹Agama atau gerakan missionary ditakrifkan Najmitdinov (2021) sebagai agama atau gerakan yang aktif menyampaikan dan mengembangkan

fahaman dan doktrin yang khusus, dalam usaha membawa masyarakat menyertai agama atau gerakan ini. Agama-agama dunia pada umumnya dibahagikan kepada missionary dan non-missionary.

di bawah tajaan penuh Iran. Seminar yang sama kemudian dianjurkan pada tahun berikutnya (1984) di Kota Bharu, Kelantan. Pada tahun 1987, sekali lagi seminar yang sama telah dianjurkan di Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.

Daripada tahun 2008 sehingga 2013, Dewan Negeri Selangor (2013) telah melaporkan bahawa pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah melaksanakan sejumlah lima (5) operasi serbuan dan pencegahan fahaman Syiah di beberapa lokasi, seperti Bandar Sri Gombak, Ukay Perdana dan juga Klang. Sejumlah 243 penganut ajaran ini ditangkap dalam operasi tersebut. Gerakan ini dilihat bukan sahaja masih berterusan, malahan perkembangan geopolitik Syiah, terutamanya di Iran dan Iraq telah melahirkan fahaman yang baharu, khususnya ajaran Ahmadi, yang berasal daripada Syiah Panji Hitam (?). Pada tahun ini 2024, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (Wan Ahmad Naqiuddin, 2024) dan juga Mufti Pahang (Muhammad Saufi Hassan, 2024) telah mengumumkan bahawa munculnya gerakan Syiah ajaran Ahmadi ini. Pada dasarnya, gerakan ini masih mempunyai akidah yang sama dalam mempercayai Imam Dua Belas, kekufuran para sahabat, dan juga kemunculan imam mereka selaku Imam Al-Mahdi. Hanya sahaja mereka bercanggahan pendapat dalam siapakah individu yang disebut sebagai Al-Mahdi tersebut. Namun, hal yang paling membimbangkan adalah akaun TikTok gerakan ini sudah mempunyai 30,000 pengikut daripada masyarakat Islam Malaysia, dan operasi mereka adalah daripada luar negara, membuatkan usaha untuk menyekat gerakan ini sulit (Wan Ahmad Naqiuddin, 2024).

Di antara medium yang digunakan oleh gerakan Syiah di Malaysia ialah penulisan. Banyak penulisan tokoh utama di dalam Syiah, seperti contoh Al-Sayid 'Abd Al-Ḥusain Al-Mūsawī, Muḥammad Al-Tijānī, dan Al-Sayid Mu'tasim Al-Sayid Ahmad diedarkan secara percuma bagi bacaan khalayak ramai. Malahan, fahaman gerakan ini turut dimuatkan di dalam penulisan berbahasa Malaysia yang dikarang oleh penulis mereka. Akidah berkenaan kekufuran para sahabat RA juga turut dimuatkan. Sebagai contoh, buku bersifat diari yang bertajuk *Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul Dan Ahlil Bait* tulisan Khair Izzah (2011). Secara jelas beberapa bab perbincangan novel ini memuatkan dakwaan mereka berkenaan kekufuran para sahabat yang merampas hak 'Alī Bin Abī Ṭālib RA sebagai khalifah. Perbincangan Ketiga buku ini berjudul "Hak Jabatan Khilafah Islam". Dalam Perbincangan Keempat, pengarang meletakkan judul "Rampasan Hak Jabatan

Khilafah". Perbincangan berikutnya mempertikaikan keadilan para sahabat Nabi SAW, malahan di dalam Perbincangan Keenam, judul diberikan ialah "Veto Ijtihad vs Nas Syariat", yang mana isi kandungan bahagian ini sangat mencerminkan mawārid yang dikemukakan Al-Mūsawī di dalam Al-Naṣ Wa Al-Ijtihād. Dengan itu, perbincangan berkenaan riwayat-riwayat dakwaan Abu Bakar Al-Ṣiddīq RA telah murtad ini merupakan antara kajian yang penting dalam usaha menyekat perkembangan fahaman ini yang semakin berleluasa di kalangan masyarakat Malaysia.

Ijtihad Sahabat

Ijtihad sahabat di sisi Syiah Imamiyah

Ijtihad sama sekali tidak berlaku di kalangan Syiah Imamiyah. Hal ini adalah kerana akidah kemaksuman Imam mereka menetapkan bahawa semua perkara dan persoalan perlu dirujuk kepada riwayat yang datang daripada dua belas imam maksum di sisi mereka. Semua riwayat ini dikira sudah memadai, kerana para imam menerima ilham secara langsung daripada Allah SWT, persis para anbiya (Al-Kulainī, T.t). Kerana itu, Syiah tidak membincangkan berkenaan peranan akal dalam berhukum, malahan tidak membentuk ilmu riwayat mereka sendiri, dan tidak pula membentuk ilmu usul fekah, kerana semua riwayat yang dimuatkan dalam Kitab Berempat dikira sahih dan memadai. Golongan ini dikenali sebagai Al-Akḥbāriyyūn (Kamaluddin Nurdin, 2011). Daripada pembesar mazhab ini adalah Ibnu Bābawayh pengarang Man Lā Yaḥḍuruḥu Al-Faqīh, Al-Hurr Al-'Āmilī (w. 1104H) pengarang Wasā'il Al-Sy'ah, dan Al-Kasyānī (w. 1115H) pengarang Mustadrak Al-Wasā'il. Mereka juga dikenali sebagai "mazhab hadis" dan juga "gerakan salafiyah".

Adapun golongan kedua yang dikenali sebagai Al-Uṣūliyyūn, golongan ini diasaskan oleh Syekh Al-Mufid guru kepada Al-Ṭūsī, dan kemudiannya disempurkan oleh muridnya setelah berpindah ke Najaf (Farj Al-'Umrān, 2001). Golongan ini membolehkan ijtihad, namun hanya terbina setelah 300 tahun daripada zaman Nabi SAW dan para sahabat. Oleh kerana itu, isu ijtihad di kalangan sahabat sama sekali tidak pernah dibincangkan oleh golongan Syiah Imamiyah.

Ijtihad Sahabat di sisi Ahl Al-Sunnah

Para ulama' Ahl Al-Sunnah berbeza pandangan dalam pengelasan khusus ijtihad para sahabat RA. Sebahagian kecil ulama Ahl Al-Sunnah, seperti Abu 'Alī Al-Jubbā'ī dan Abu Hasyim daripada Al-Mu'tazilah berpandangan bahawa sahabat RA sama sekali tidak boleh berijtihad dengan kehadiran Nabi SAW. Namun sebagaimana disebutkan oleh Al-Zarkasyī (1992), perkara ini adalah mustahil, kerana menghadkan syarak hanya

kepada dalil akan merobohkan syariah itu sendiri.

Adapun jumbuh ulama' Ahl Al-Sunnah berpandangan dengan keharusan ijtihad sahabat RA, namun mereka berbeza pandangan juga dari sudut sisi pengelasan. Sebagaimana dinukilkan oleh Al-Zarkasyī (1992), ada di antara mereka yang membezakan di antara kehadiran Nabi SAW dan juga sewaktu ketiadaan baginda. Ada juga yang mensyaratkan bahawa ijtihad sahabat RA perlu mendapat izin daripada Nabi SAW. Ibnu Hazm (2016) pula menetapkan bidang agama yang diharuskan berijtihad ataupun tidak. Sebagai contoh, di dalam soal halal dan haram, maka tidak dibolehkan para sahabat RA untuk berijtihad. 'Iyād Al-Salmī (2005) telah menyenaraikan perkara yang tidak dibolehkan sahabat RA berijtihad di dalamnya, seperti kisah-kisah umat yang terdahulu, kisah para anbiya', perihal mimpi, perihal fitan, khabar berkenaan dengan peristiwa Hari Kiamat, penetapan pahala atau dosa yang khusus, isu halal dan haram, dan seterusnya.

Kriteria Ijtihad Sahabat RA

Di dalam membincangkan soal ini, garis panduan yang telah dibahagikan oleh Al-Māwardī dan Al-Rauyānī (Abu Al-Wafā' Al-Mālikī, 1999) dilihat sebagai pandangan yang terpilih. Mereka menetapkan bahawa individu yang berijtihad di kalangan sahabat RA terbahagi kepada dua. Pertama; sahabat yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin sesuatu kaum yang diutuskan oleh Nabi SAW. Hal ini seperti 'Alī Bin Abī Ṭālib dan Muādz Bin Jabal, ketika mereka diutus ke Yaman. Riwayat ini sebagaimana disebutkan oleh Al-Tirmīdzī (1996, jil. 3 m/s. 616) berkenaan pertanyaan Nabi SAW kepada Muādz RA:

"Dengan apakah kamu akan berhukum? Maka Muādz menjawab: "Aku berhukum dengan Kitābullah". Baginda bertanya lagi: "Sekiranya ia tidak terdapat di dalam Kitābullah?". Jawab Muādz RA: "Aku berhukum dengan Sunnah Rasulullah SAW". Baginda bertanya lagi: "Sekiranya tidak terdapat di dalam sunnah Rasulullah SA?". Jawab Muādz: "Aku akan berijtihad dengan pendapatku". Maka Rasulullah SAW menepuk dada

Muādz seraya berkata: "Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufiq kepada utusan Rasulullah SAW".

Kedua; bagi golongan mujtahid di kalangan sahabat RA yang tidak dipertanggungjawabkan dengan sebarang bentuk perutusan. Golongan ini dibahagikan kepada tiga (3):

- i. Mereka yang berijtihad dari sudut mempunyai asal daripada Al-Quran atau sunnah Nabi SAW. Sekiranya ada, maka ijtihadnya diterima. Bagi sahabat RA yang berijtihad tanpa mempunyai asal daripada dua sumber utama ini, ijtihad mereka diterima sekiranya individu tersebut ialah ahli dalam ijtihad. Manakala ijtihad hanya sah bagi dirinya sendiri sekiranya individu tersebut bukan daripada ahli dalam berijtihad.
- ii. Mujtahid tersebut berada di bandar Madinah ketika kehadiran Nabi SAW, namun tidak hadir bersama baginda Nabi SAW ketika terjadi sesuatu peristiwa yang memerlukan kepada ijtihad. Sekiranya ijtihad ini bertepatan dengan usul Al-Quran dan sunnah maka ijtihad ini diterima. Sebagai contoh, Al-'Ajlānī (Abu Al-Wafā' Al-Mālikī, 1999) pernah bertanya kepada beberapa sahabat di Madinah berkenaan hukum suami yang menuduh isterinya berzina, maka disebutkan kepadanya: *"Hukuman had ke atas kamu sekiranya tidak dibawakan empat (saksi)".* Kemudian hal ini ditanyakan kepada Rasulullah SAW, dan baginda SAW mendiamkan diri, sehinggalah diturunkan kepadanya ayat li'ān². Baginda SAW tidak mengingkari apa yang disebutkan oleh sahabat RA, kerana hukuman had bagi qazaf disebut di dalam Al-Quran³.
- iii. Mujtahid yang hadir di dalam majlis bersama Rasulullah SAW. Sekiranya baginda SAW mengarahkan untuk berijtihad, maka ijtihad sahabat tersebut sah. Seperti arahan Nabi SAW agar Sa'ad Bin Muadz RA memberikan hukumnya kepada Bani Quraidzah. Sekiranya ijtihad bukan daripada arahan Nabi SAW, namun terdapat pengiktirafan daripada baginda, ijtihad ini juga turut diterima. Seperti contoh, pengiktirafan Nabi SAW kepada Abu Bakar RA berkenaan barang kepunyaan musuh yang dibunuh dalam perang⁴. Begitu juga dengan ijtihad 'Alī RA

²Firman Allah SWT: *"Orang-orang yang menuduh istrinya berzina, padahal mereka tidak mempunyai saksi-saksi selain diri mereka sendiri, maka kesaksian masing-masing orang itu ialah empat kali bersumpah atas (nama) Allah, bahwa sesungguhnya dia termasuk orang yang benar"* (Al-Quran, 24:6).

³ Firman Allah SWT: *"Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang baik-baik (berbuat zina) dan mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka sebatlah mereka (yang menuduh itu) 80 kali sebatan. Dan janganlah kamu terima kesaksian mereka buat selamanya. Dan mereka itulah orang-orang yang fasik."* (Al-Quran, 24:4).

⁴Muslim (T.t.) meriwayatkan daripada Abū Qatādah RA bahawa beliau telah berjaya membunuh seorang musyrik pada peperangan Hunain. Ketika Nabi SAW membahagikan harta

ghanimah, baginda SAW bersabda: *"Sesiapa yang membunuh seorang musuh maka baginya harta (musuh) tersebut".* Lalu Abū Qatādah RA bangun dan meminta para sahabat menyaksikan kejayaan beliau membunuh musuh yang disebutkan, namun tiada siapa yang bangun. Nabi SAW kemudian meminta saksi, dan bangunlah seorang sahabat lain memberikan kesaksian, dan barang milik musuh terbunuh itu disimpan olehnya. Beliau meminta Nabi SAW memberikan milikan tersebut kepadanya, bukan kepada Abū Qatādah RA. Abū Bakar RA kemudian berkata: *"Demi Allah ini tidak akan berlaku. Rasulullah SAW tidak akan menafikan satu singa daripada singa Allah yang berjihad di jalan Allah dan rasulNya dan memberikan kamu rampasan perangnya".* Nabi SAW bersabda: *"Abu Bakar telah berkata benar. Berikan harta tersebut kepada Abū Qatādah".*

untuk tidak memadamkan nama Nabi SAW⁵.

Kelayakan Abu Bakar Al-Ṣiddīq RA dalm ijtihad

Al-Mūsawī (1984) dengan jelas menuduh bahawa semua mawrid yang dibawakannya adalah bukti mengatakan bahawa semua ijtihad Abu Bakar RA adalah tidak sah, malahan membawa kepada kekufuran. Hal ini kerana beliau mendakwa Abu Bakar RA sama sekali tidak boleh berijtihad, ditambah dengan faktor soal-soal yang diijtihadkan oleh Abu Bakar RA sudah mempunyai nas yang jelas untuk diikuti. Kelakuan Abu Bakar RA secara jelas melanggar semua nas ini. Namun, bagi menjawab soalan adakah Abu Bakar RA boleh dan layak berijtihad? Berpandukan kepada sorotan kajian yang lalu di dalam permasalahan ijtihad, secara jelas Abu Bakar RA memenuhi banyak syarat dan kelayakan sebagai seorang mujtahid, terutama setelah kewafatan Nabi SAW dan umat Islam sangat berhajat kepada seorang pembuat keputusan yang mewarisi ilmu Nabi SAW (Al-Qaradāwī, 2001).

Di antara tanda kelayakan tersebut ialah; pertama, Abu Bakar RA pernah diutus Nabi SAW pada tahun 9 Hijrah. Ketika berlakunya pembukaan kota Mekah pada tahun 8 Hijrah, amalan musyrikin Quraisy bertawaf di Ka'bah dalam keadaan bertelanjang masih diteruskan. Maka sabda Nabi SAW: "Hal ini tidak sesuai bagi seorang Rasul" (Al-Mubārakfūrī, 2007, jil. 2 m/s. 284). Nabi SAW kemudian mengutuskan Abu Bakar RA pada tahun 9 Hijrah, mewakili baginda SAW untuk mengajarkan manāsik haji kepada penduduk Mekah. Malahan, ketika 'Alī RA diutuskan untuk memutuskan perjanjian dengan penduduk Mekah melalui surah Al-Taubah, Abu Bakar RA bertanya kepadanya (Ibnu Katsīr, 1990, jil. 5 m/s. 37): "Adakah kamu diutuskan menjadi ketua (menggantikan aku) atau disuruh?". Jawab 'Alī RA: "Malahan aku disuruh". Perutusan Abu Bakar RA ke Mekah ini jelas menjadikan beliau seorang yang diizinkan berijtihad hatta semasa kehidupan Nabi SAW, persis Muāḏ Bin Jabal dan 'Alī RA.

Kedua, perbuatan dan keputusan Abu Bakar RA pada hakikatnya dilakukan sebagai kesinambungan daripada Al-Quran ataupun hadis Nabi SAW. Sebagai contoh di dalam isu Fadak. Setelah kewafatan Nabi SAW, Fāṭimah RA meminta warisan tanah Fadak milik Nabi SAW untuk diberikan kepadanya. Abu Bakar RA enggan melakukannya, seraya membaca hadis Nabi SAW: "Kami sekali anbiya tidak mewariskan (harta). Semua yang kami tinggalkan dijadikan sedekah" (Al-

Bukhārī, jil. 8 m/s. 93). Malahan terdapat banyak hadis lain yang menyokong hadis ini, sebagai contoh sabda Nabi SAW: "Kami sekalian anbiya tidak mewariskan dinar atau dirham, tetapi kami mewariskan ilmu. Maka ulama' ialah pewaris para anbiya. Sesiapa yang mengambil ilmu tersebut maka dia telah mewarisi warisan yang banyak" (Ahmad, 1421H jil. 36 m/s. 46, Al-Tirmidzī, 1996, jil. 5 m/s. 48). Juga hadis yang diriwayatkan oleh Umm Al-Mukminin Juwairiyah Binti Al-Ḥārith RA (Al-Bukhārī, 1422H, jil. 7 m/s. 115): "Ketika baginda SAW wafat, baginda SAW tidak meninggalkan apa-apa selain keldai putih yang biasa baginda SAW naiki, dan sekeping tanah yang disedekahkan kepada Ibnu al-Sabīl". Dengan ini, jelas bahawa Abu Bakar RA memenuhi syarat kedua, iaitu ijtihad beliau mempunyai asal daripada Al-Quran dan hadis Nabi SAW, maka ijtihadnya sah.

Ketiga, Abu Bakar RA secara jelas diperakui sebagai seorang mujtahid oleh baginda Nabi SAW sendiri. Sepotong hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhārī (1422H, jil. 9 m/s. 194) menyebut, bahawa seorang sahabat wanita datang bertanya soalan kepada Nabi SAW. Setelah selesai, beliau bertanya sekiranya beliau mempunyai persoalan di kemudian hari, dan beliau tidak mendapati Nabi SAW, siapakah yang perlu beliau tanyakan? Jawab Nabi SAW: "Carilah Abu Bakar". Hadis ini merupakan pengiktirafan terang dan jelas berkenaan keahlian Abu Bakar RA, bukan sahaja dalam berijtihad, bahkan dalam menggantikan Nabi SAW setelah kewafatan baginda SAW.

Keempat, Abu Bakar RA juga pernah berada di dalam majlis Nabi SAW. Keputusan yang dilakukan oleh Abu Bakar RA diperakui Nabi SAW di hadapan sahabat yang lain. Sebagai contoh di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abū Qatādah RA dalam isu milikan musuh yang dibunuh di dalam peperangan, seperti yang dibincangkan dalam subtopik yang lalu. Ketika sahabat yang menyimpan harta milikan tersebut meminta agar harta itu diberikan kepadanya, Abu Bakar RA membantah seraya berkata: "Demi Allah ini tidak akan berlaku. Allah SWT tidak akan merugikan singa daripada singa-singa Allah yang bertempur di jalan Allah dan RasulNya daripada haknya". Jawab Nabi SAW: "Benar apa yang dikatakan oleh Abu Bakar" (Muslim, T.t., jil. 5 m/s. 147). Maka milikan tersebut diarahkan untuk diserahkan kepada Abū Qatādah RA. Hal ini memenuhi syarat keempat bagi mujtahid di kalangan sahabat RA.

Kelima dan terakhir, Abu Bakar RA dilantik sebagai khalifah yang sah sesudah kewafatan Nabi SAW.

⁵Ketika terjadi Perjanjian Hudaibiyah di antara Nabi SAW dan Suhail Bin 'Amr RA, perjanjian yang tertulis dimulakan dengan "ini perjanjian antara Muhammad Rasulullah dan Suhail Bin 'Amr". Suhail (masih belum Islam pada ketika itu) mengingkari gelaran ini, dan meminta agar ditukar kepada Muhammad Bin Abdullah. Nabi SAW

memerintahkan 'Alī RA untuk menukarnya, namu 'Alī RA enggan, kerana beliau sendiri beriman bahawa Nabi Muhammad adalah persuruh Allah (Mubārakfūrī, 2007).

Hal ini berlaku secara ijma' ⁶ *ṣarih*⁶ dan *sukūti*⁷ selepas kewafatan Nabi SAW. Tidak ada sahabat yang membantah perlantikan Abu Bakar RA, tidak daripada Ahl Al-Bait dan tidak pula selain Ahl Al-Bait. Malahan 'Alī RA turut memberikan bai'ah beliau kepada Abu Bakar RA, walaupun sedikit terlewat kerana kesibukan beliau menjaga Fāṭimah RA di hujung hayatnya⁸. Perkara ini turut menepati kehendak Nabi SAW, kerana pemilihan Abu Bakar RA sudah berlaku ketika kehidupan Nabi SAW. Beliau yang dipilih Nabi SAW untuk menguruskan manāsik haji, mengetuai solat, dibuka pintu Masjid Nabawi hanya untuk beliau⁹, disebut sebagai manusia yang paling dicintai Nabi SAW¹⁰, disuruh sebagai rujukan sepeninggalan Nabi SAW dan diingkari imam selain daripada beliau¹¹. Malahan baginda SAW bersabda kepada Aisyah RA di akhir hayatnya: "Panggilkan aku ayah dan saudaramu Abu Bakar, sehingga dituliskan baginya satu tulisan, agar tidak ada sesiapa yang berkata: "Aku lebih layak daripada Abu Bakar". Sesungguhnya Allah dan para mukminin tidak akan redha melainkan dengan Abu Bakar" (Muslim, jil. 7 m/s. 110).

Kesemua hadis dan riwayat ini membuktikan keahlian Abu Bakar RA dalam ijtihad, dan izin serta pengiktirafan Nabi SAW ke atas beliau. Hal ini terjadi sewaktu Nabi SAW masih hidup dan baginda SAW masih boleh memberikan semua jawapan kepada permasalahan umat, namun tetap Abu Bakar RA diiktiraf. Oleh kerana itu, kelayakan dan keahlian Abu Bakar RA hanya semakin menonjol dan penting selepas kewafatan Nabi SAW dalam menyempurnakan hajat dan menyelesaikan masalah umat Islam.

⁶ Al-Syaukānī (T.t., jil.2 m/s. 315) menjelaskan *ijma' ṣarih* ialah "kesepakatan para mujtahid dalam sesuatu hukum tertentu yang berlaku di kalangan mereka secara jelas menyebut pendapat mereka berkenaan hal tersebut"

⁷ *Ijma' sukūti* pula ialah "sebahagian mujtahid mengemukakan sesuatu isu dan kemudian dikaji oleh ahli dalam hal tersebut, dan mereka berdiam diri daripada mengingkarinya" (Al-Syaukānī, jil. 1 m/s. 265).

⁸ Aisyah RA meriwayatkan (Al-Bukhari, jilid 5 m/s. 139, Muslim, jilid 3 m/s. 1381): "Ayahku (Abu Bakar) masuk menemui Ali setelah beliau memohon ditetapkan pertemuan mereka. Ali mengucapkan kalimah syahadah, dan kemudian berkata: "Wahai Abu Bakr, kami (Ahl Al-Bait) mengiktiraf kebaikan kamu dan apa yang Allah berikan kepada kamu. Kami tidak menyimpan hasad atas apa yang diberikan Allah kepada kamu, cuma kamu melakukannya (menerima bai'ah dari para sahabat ra sebagai khalifah) tanpa bertanya kepada kami, walhal kami berhak (untuk diminta pandangan) dikeranakan hubungan yang rapat kami dengan Rasulullah ﷺ". Beliau (Ali ra) terus berkata-kata sehingga mata Abu Bakr dipenuhi air mata. Abu Bakr berkata: "Demi Allah! Hubungan yang rapat dengan Rasulullah ﷺ adalah lebih aku kasihi dari hubungan dengan sekalian manusia lain. Adapun perselisihan yang terjadi di antara aku dan kamu ini, tidaklah aku lari dari jalan yang benar, dan aku tidak pernah meninggalkan apa yang aku lihat Rasulullah ﷺ lakukan ke atas mereka, melainkan aku akan berbuat yang sama". Kata Ali: "Bai'ahku kepada kamu adalah tengah hari ini". Setelah Abu Bakar bersolat Zohor,

No.	Kriteria Ijtihad Sahabat RA	Kelayakan Abu Bakar Al-Ṣiddīq RA
1.	Pernah menjadi utusan Nabi SAW.	✓
2.	Mempunyai usul daripada nas.	✓
3.	Berada di Madinah ketika hayat Nabi SAW.	✓
4.	Berada di dalam majlis Nabi SAW.	✓
5.	Dilantik khalifah secara sah.	✓

Rajah 1. Kriteria Ijtihad & Kelayakan Abu Bakar RA

Dakwaan al-Mūsawī dalam al-Naṣ wa al-Ijtihād

Hari Tsaqīfah

Di dalam maurid ini, pertama Al-Mūsawī menekankan bahawa perlantikan 'Ālī Bin Abī Ṭālib RA sudah berlaku sewaktu penurunan ayat Al-Indhār¹². Tindakan Abu Bakar RA menerima jawatan khalifah di Tsaqīfah Bani Sa'ad selepas daripada kewafatan Nabi SAW didakwa bercanggah dengan hak lantikan 'Ālī Bin Abī Ṭālib RA. Hadis yang dimaksudkan oleh Al-Mūsawī ini ialah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Ishāq (1976) di dalam Sirahnya:

"Wahai putera-putera 'Abdul Muṭṭalib! Demi Allah, tidak seorang pun pemuda bangsa Arab yang telah membawa untuk kaumnya sesuatu yang lebih berharga dan lebih utama daripada apa yang kubawa untuk kalian! Aku datang membawa kebaikan dunia dan akhirat. Dan Allah telah memerintahkan aku menyerukan kepada kalian agar menerimanya. Maka siapakah di antara kalian yang bersedia

beliau naik ke minbar, dan berbicara berkenaan Ali, sebab-sebab di atas kelewatannya dalam memberikan bai'ah kepadanya, dan beliau mendoakan keampunan ke atas kelewatannya tersebut. Ali kemudian mengucapkan syahadah, dan menerangkan sebab kelewatannya, bahawa bukan beliau mempunyai hasad di atas perlantikan Abu Bakar, atau ke atas apa yang Allah berikan kepadanya, namun kerana beliau merasakan beliau berhak ditanyakan pendapat, dan perkara sedemikian tidak berlaku. Mendengar kata-kata Ali itu para muslimin (sahabat ra) berkata: "Kamu telah berbuat benar, kamu telah berbuat benar", dan para muslimin menjadi semakin rapat dengan Ali kerana beliau telah berbuat benar".

⁹ Al-Bukhārī (1422H, jil. 1, m/s. 476) meriwayatkan bahawa kata Nabi S.A.W: "Tutuplah semua pintu ke masjid melainkan pintu Abu Bakar Al-Siddiq R.A".

¹⁰ Muslim (T.t., jil. 2 m/s. 67) meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda: "Sekiranya aku diizinkan untuk mengambil seorang khalīl (kekasih yang sempurna) dari kalangan penduduk Bumi, maka akan aku ambil Abu Bakar sebagai khalīlku. Namun sahabat kamu ini ialah khalīlullah".

¹¹ Al-Bukhārī (1422H, jil. 3 m/s. 1338) meriwayatkan daripada Jubair Bin Mu'īn RA berkata bahawa seorang wanita datang dan bertanya suatu perihal kepada Nabi SAW. Baginda SAW mengarahkan wanita tersebut untuk datang kembali. Wanita tersebut bertanya: "Sekiranya aku datang dan tuan sudah tiada (wafat)?". Jawab Nabi SAW: "Carilah Abu Bakar".

¹² Firman Allah SWT: "Dan berilah peringatan keras kepada kaum kerabatmu", Al-Quran (26:214).

memberikan dukungannya bagiku dalam urusan ini; dan sebagai imbalannya, ia akan menjadi saudaraku yang terdekat, waṣīku (penerima wasiat) serta menjadi khalifah (pengganti) ku di antara kalian?”. Semua yang hadir diam seribu bahasa, kecuali ‘Alī yang termuda di antara mereka; ia berdiri dan berkata dengan lantang: Aku – wahai Nabiullah – yang akan menjadi pembantumu!” Dan Rasulullah S.A.W menepuk leher ‘Alī seraya berkata: “Inilah saudaraku, waṣīku dan khalifahku di antara kalian! Dengar kata-katanya dan taatlah padanya!”. Maka bangkitlah mereka itu sambil tertawa dan berkata pada Abū Ṭālib: “Lihatlah betapa ia telah memerintahkan anda agar mendengarkan kata-kata anakmu dan taat kepadanya!”.

Hadis dengan lafaz ini diriwayatkan melalui jalan sanad yang tunggal oleh Ibnu Ishāq daripada ‘Abd Al-Ghaffār bin Al-Qāsim Abu Maryam, dari Minhāl bin ‘Amru, dari ‘Abdullah Al-Hārith, dari Ibnu ‘Abbās, dari ‘Alī bin Abi Ṭālib RA. ‘Abd Al-Ghaffar Bin Al-Qāsim merupakan seorang perawi yang ditohmah oleh Ibnu Katsir (2000), Ālī Al-Madīnī, Aḥmad Bin Ḥanbal, Ibnu Abī Ḥātim, Al-Nasā’ī, Al-Dāruqutnī, Abu Dāud dan Yahya Bin Mu‘īn (Ibnu Ādī 1988, Al-Dhahabī 2009) sebagai perawi yang tidak tsiqah, rāfiḍah, pemalsu hadis, dan status hadisnya matrūk¹³.

Selain daripada masalah daripada sudut sanad, hadis ini juga bermasalah daripada sudut matan daripada dua (2) isu yang berbeza. Pertama, bahawa bilangan ahli keluarga Bani ‘Abd Al-Muṭṭalib tidak pernah mencapai sejumlah empat puluh (40) orang, baik daripada sebelum Hijrah Nabi SAW, ataupun setelah Hijrah ke Madinah, sehingga kepada kewafatan Nabi SAW, sebagaimana ditekankan oleh Ibnu Taimiyah (1986). Masalah kedua ialah hadis ini bercanggah dengan sabab al-nuzūl ayat Al-Indhār sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Bukhārī (1422H) dan Muslim (T.t.), berkenaan peristiwa baginda Nabi SAW menyeru kabilah Quraisy di Bukit Safa, dan menyampaikan kepada mereka berkenaan dakwah Islam. Riwayat yang lebih kuat ini mengatasi riwayat peristiwa Bani ‘Abd Al-Muṭṭalib yang dikemukakan oleh Al-Mūsawī.

Riwayat kedua dibawakan Al-Mūsawī ialah hadis Nabi SAW ketika baginda di hujung hayat baginda sebelum kewafatan, bahawa baginda SAW bersabda:

“Wahai manusia! Hampir sahaja aku akan mati dengan kematian yang dekat lalu Dia memanggilku, dan aku telah menyatakan kepada kamu bahawa aku memper-tanggungjawabkan kamu berkenaan kitab Allah, dan Ahli Baitku”. Kemudian baginda

SAW mengangkat tangan ‘Alī RA dan bersabda: “Inilah Ālī bersama Al-Quran, dan Al-Quran sentiasa bersama ‘Ālī, keduanya tidak akan terpisah sehingga mereka berdua didatangkan kepadaku di kolamku”.

Hadis dengan lafaz ini diriwayatkan secara bersendirian oleh Al-Ṭūsī di dalam Al-Amālī (1414H, jilid 2 m/s. 46). Sanad tunggal Al-Ṭūsī ini diriwayatkan melalui Ummu Salāmah RA, salah seorang daripada sahabat Nabi SAW yang dianggap murtad di dalam akidah Syiah setelah kewafatan Nabi SAW. Secara langsung hadis ini tidak sahih menurut syarat Syiah Imāmīyah sendiri.

Riwayat ketiga, sabda Nabi SAW: “Ahli Baitku pengaman umatku daripada sebarang khilaf, maka ketika mereka diselisihi oleh satu kaum daripada Arab, mereka menjadi Pakatan Iblis” (Al-Hākīm, 1995, jilid 3 m/s. 162). Hadis ini dihukumkan sebagai palsu oleh Al-Dhahabī.

Riwayat keempat adalah hadis Bahtera Nabi Nuh AS. Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya misal ahli keluargaku di kalangan kamu adalah seperti bahtera Nuh dari kaumnya. Sesiapa yang menaikinya selamat, sesiapa yang enggan maka musnahlah dia”. Al-Mūsawī meriwayatkan hadis ini daripada Al-Hākīm (1995, jilid 2 m/s. 373). Di dalam sanad hadis ini terdapat perawi yang bernama Mufaḍḍal Bin Ṣāliḥ. Perawi ini telah dihukumkan sebagai perawi yang mungkar oleh Al-Bukhārī (Al-Dhahabī, 2009). Hadis ini berstatus palsu. Oleh yang demikian riwayat ini sama sekali tidak boleh dijadikan sandaran perlintakan Ali RA sebagai khalifah di hayat Nabi SAW.

Riwayat kelima, Al-Mēsawī membawa riwayat Ibnu AbĒ Al-ṣadĒd (1959) daripada Al-SyaṅbĒ, di dalam bukunya Ōyarī Nahj Al-BalĒghah, bahawa setelah perlintakan Abu Bakar Al-ŌiddĒq RA sebagai khalifah pertama Islam, beliau telah mengarahkan Nūmar Al-KhālĒb dan KhĒlid Al-WalĒd RA untuk pergi ke rumah NĀlĒ RA, dan memaksa NĀlĒ RA memberikan bai’ah kepada Abu Bakar Al-ŌiddĒq RA. Namun NĀlĒ RA enggan berbuat demikian, lalu beliau dan Zubair Bin NĀwwĒm RA telah diseret sekeliling bandar Madinah dan dipaksa sehingga mereka berbai’ah kepada Abu Bakar RA. Riwayat ini seolah-olah menggambarkan para sahabat sebagai kaum munafiq yang menganiyai Ahl Al-Bait Nabi SAW. Ibnu AbĒ Al-ṣadĒd merupakan seorang penulis yang bersifat fanatik terhadap mazhab pemikiran Syiah Imāmīyah, sehingga beliau tergolong di dalam kumpulan pemikiran yang menisbahkan sifat ketuhanan kepada NĒŌĒ Bin AbĒ ŪĒlib RA. Al-AĒsĒ (1379H, m/s. 9) telah menukulkan perkataan Ibnu AbĒ Al-ṣadĒd: “Disebutkan bahawa telah berkurangan rubĒbiyah golongan yang syak wasangka bahawa engkau (ŌĒ RA) berhak diibadahkan”. Ibnu AbĒ Al-ṣadĒd juga tidak membawakan sanad penuh

¹³ Matrūk merupakan hadis yang diriwayatkan oleh perawi

yang ditohmah sebagai pembohong (Maḥmūd Ṭaḥḥān, 1985).

bagi riwayat ini sehingga memenuhi syarat hadis sahih yang berlima.

Sebagai tambahan, riwayat ini juga bertentangan dengan riwayat Al-Bukhārī (1422H) daripada ‘Aisyah RA berkenaan peristiwa perbincangan Abu Bakar bersama ‘Umar RA terkait isu kelewatan ‘Umar RA memberikan bai’ah kepada Abu Bakar:

“*Ayahku (Abu Bakar) masuk menemui Ali setelah beliau memohon ditetapkan pertemuan mereka. Ali mengucapkan kalimah syahadah, dan kemudian berkata: “Wahai Abu Bakr, kami (Ahl Al-Bait) mengiktiraf kebaikan kamu dan apa yang Allah berikan kepada kamu. Kami tidak menyimpan hasad atas apa yang diberikan Allah kepada kamu, cuma kamu melakukannya (menerima bai’ah dari para sahabat ra sebagai khalifah) tanpa bertanya kepada kami, walhal kami berhak (untuk diminta pandangan) dikeranakan hubungan yang rapat kami dengan Rasulullah SAW”. Beliau (Ali RA) terus berkata-kata sehingga mata Abu Bakr dipenuhi air mata. Abu Bakr berkata: “Demi Allah! Hubungan yang rapat dengan Rasulullah SAW adalah lebih aku kasihi dari hubungan dengan sekalian manusia lain. Adapun perselisihan yang terjadi di antara aku dan kamu ini, tidaklah aku lari dari jalan yang benar, dan aku tidak pernah meninggalkan apa yang aku lihat Rasulullah SAW lakukan ke atas mereka, melainkan aku akan berbuat yang sama”¹⁴. Kata Ali RA: “Bai’ahku kepada kamu adalah tengah hari ini”. Setelah Abu Bakar RA bersolat Zohor, beliau naik ke minbar, dan berbicara berkenaan Ali, sebab-sebab di atas*

kelewatannya dalam memberikan bai’ah kepadanya, dan beliau mendoakan keampunan ke atas kelewatannya tersebut. Ali kemudian mengucapkan syahadah, dan menerangkan sebab kelewatannya, bahawa bukan beliau mempunyai hasad di atas perlantikan Abu Bakar, atau ke atas apa yang Allah berikan kepadanya, namun kerana beliau merasakan beliau berhak ditanyakan pendapat, dan perkara sedemikian tidak berlaku. Mendengar kata-kata Ali itu para muslimin (sahabat RA) berkata: “Kamu telah berbuat benar, kamu telah berbuat benar”, dan para muslimin menjadi semakin rapat dengan Ali kerana beliau telah berbuat benar”.

Riwayat ini adalah lebih wajar diutamakan melebihi riwayat Ibnu Al-‘Adī, kerana taraf kesahihannya yang lebih tinggi, dan mencerminkan akhlak mulia para sahabat RA yang sesuai dengan kedudukan mereka sebagai pendamping baginda Nabi SAW.

Janji Abu Bakar Kepada Umar Dengan Khilāfah

Di dalam Maurid ini, Al-Māsawī tidak membawakan sebarang riwayat yang khusus. Namun beliau mendakwa bahawa Abu Bakar Al-‘Uddīq telah menjanjikan jawatan khilafah kepada ‘Umar RA ketika beliau di katil maut. Hal ini didakwa Al-Māsawī bercanggahan dengan hadis-hadis baginda Nabi SAW yang menekankan berkenaan kelebihan ‘Alī Bin Abī ‘Ulaib RA. Al-Māsawī hanya menyebut secara umum seperti hadis ayat Al-Indhī, hadis Bahtera Nuh dan hadis Ahl Al-Bait pengaman umat seperti yang telah dibincangkan dalam subtopik yang lalu.

Pada hakikatnya, benar Abu Bakar Al-‘Uddīq RA telah mengarahkan bahawa perlantikan ‘Umar Al-Khalīf RA sebagai khalifah selepas daripada dirinya benar-benar berlaku. Hal ini sebagaimana yang diriwayatkan di dalam buku-buku sejarah yang masyhur

¹⁴ Setelah kewafatan Nabi SAW, perselisihan pertama yang berlaku di kalangan sahabat ra, walhal jenazah baginda SAW masih belum dikebumikan telah berlaku, iaitu berkenaan di mana baginda SAW patut dikebumikan, bagaimana kain kafannya, samada jenazah baginda SAW perlu dimandikan atau tidak. Maka pada ijthihad dan pandangan Abu Bakar, Umar Al-Khattab, dan juga segolongan para sahabat yang utama, pengganti Nabi SAW perlu diputuskan segera dan para sahabat perlu memberikan bai’ah taat setia kepadanya, bagi mengelakkan perselisihan yang tidak perlu dan tidak pula diingini berlaku di kalangan Muslimin. Maka mencari pengganti dan memberikan bai’ah itu merupakan perkara utama yang perlu disegerakan, dalam menjaga kemaslahatan Muslimin secara amnya. Hal inilah yang dimaksudkan dengan kata-kata Abu Bakr RA, dan bahawa beliau tidak lari dari kebenaran, dan benarlah kebenaran itu bersama Abu Bakr RA di dalam ijthihadnya ini (Al-Nawawī 1392H, jilid 12 m/s. 78). Maka dikumpulkan para sahabat RA selepas kewafatan Nabi SAW, dan jurucakap dari Ansar bangun dan berkata: “Wahai Muhajirin! Ketika Nabi SAW melantik seorang dari kamu, baginda SAW akan turut melantik seorang dari kami (berpasangan). Maka kami lihat seorang dari kamu dan seorang dari kami perlu mengambil

tanggungjawab ini”. Maka para jurucakap Ansar bangun seorang demi seorang dan turut berkata-kata. Kemudian Zaid Bin Tsabit RA bangun dan berkata: “Rasulullah RA adalah seorang Muhajirin, (oleh itu) ketua perlulah dari Muhajirin juga, dan kami akan menjadi penolong sebagaimana kami telah menjadi penolong bagi Rasulullah SAW”. Kata Abu Bakr RA: “Moga Allah merahmati kamu, wahai Ansar, dan moga Allah menetapkan pendirian jurucakap kamu. Jika kalian berkata selain dari ini maka kami tidak menerimanya”. Maka para sahabat RA memberikan bai’ah kepada Abu Bakr. (Ibnu Hajar Al-‘Asqalānī, 1326H, jilid 7 m/s 348). Ibnu Hajar turut memberi komen di dalam Fatī Al-Bērī, bahawa ketiadaan Ali RA ini diberikan pengecualian oleh para sahabat RA, dikeranakan beliau perlu menjaga Fatimah Binti Rasulullah RA saat beliau sakit sepanjang 6 bulan sebelum kewafatan Fatimah RA, terutamanya setelah penolakan Abu Bakr RA berkenaan tuntutan perwarisan hartanya dari ayahnya Rasulullah SAW berkenaan tanah di Fadak, Khaibar dan Madinah. Penolakan Abu Bakr RA ini adalah berdasarkan sepotong hadis di mana Nabi SAW bersabda: “Kami para anbiya’ tidak mewariskan harta. Apa-apa yang kami tinggalkan menjadi sedekah”. Diriwayatkan Al-Bukhari (1422H, jilid 5 m/s 20), Muslim (T.t., jilid 3 m/s 379), dan juga Al-Nasa’i (2015, jilid 7 m/s 132).

seperti Têrikh Al-Kabêr oleh Al-ÛabarÊ (1967), Al-BidËyah Wa Al-NilËyah oleh Ibnu KatsÊr (1990), dan TêrÊkh Al-KhulafÊ' oleh JalÊluddÊn Al-SayÊiÊ (2003). Namun, hal ini tidak berlaku sebagaimana yang digambarkan Al-MÊsawÊ. Sebelum penulisan wasiat ini berlaku, Abu Bakar RA telah menanyakan perihal ÑUmar RA sekiranya dilantik sebagai khalifah kepada beberapa individu sahabat yang utama, seperti ÑAbd Al-RaÍmÊn Bin ÑAuf, ÑUthmÊn Al-ÑAffÊn, Usaid Bin ×ulair, Sa'Êd Bin Zaid, segolongan Al-MuhÊjirÊn dan AnÍar, dan sekalian mereka bersetuju ÑUmar RA dilantik sebagai khalifah (Al-ÛabarÊ 1967, Al-SayÊiÊ 2003), melainkan Ûallâh Bin ÑUbaidillah (Ibnu KatsÊr, 1990) yang menyatakan kerisauan beliau berkenaan sikap keras ÑUmar RA. Namun setelah dijelaskan oleh Abu Bakar RA, beliau turut bersetuju. Lalu Abu Bakar RA mengarahkan agar wasiat ini ditulis sebelum kewafatan beliau, agar masyarakat tidak berselisih berkenaan individu yang akan menggantikan dirinya. Wasiat ini telah dibacakan di khalayak ramai, dan semua sahabat menerima lantikan ini tanpa sebarang bantahan, yang menjadikan lantikan ini sebagai Ijma' di kalangan sahabat (Al-NawawÊ, 1392H).

Ijma' sahabat dalam menerima Keputusan lantikan ÑUmar RA sebagai Khalifah Islam menggantikan Abu Bakar RA ini pada hakikatnya adalah pembenaran khabar yang telah diberitahukan oleh baginda Nabi SAW. Nabi SAW pernah bersabda dalam menceritakan berkenaan perihal mimpi yang baginda SAW saksikan:

"Aku melihat sekumpulan manusia di tepi perigi, menceduk air dari dalamnya, Abu Bakar RA dan Umar RA datang. Abu Bakar RA menceduk satu baldi atau dua, namun aku lihat ada kelemahan dalam cedukannya. Moga Allah mengampunkannya. Kemudian Umar Al-Khattab RA mengambil alih dan baldi tersebut bertukar menjadi besar dalam tangannya. Aku tidak pernah melihat manusia segagah itu dalam usahanya, sehingga sekalian manusia dapat minum dan hilang dahaga, dan juga memberikan air kepada unta-unta mereka yang sedang melutut". Diriwayatkan Al-Bukhari (1422H, jilid 4 m/s 205).

Al-SyÊfiÑÊ (1410H, jilid 1 m/s. 189) memberi komen hadis ini: "Sabda baginda SAW "ada kelemahan dalam cedukannya" bermakna pendeknya zaman pemerintahannya dan kematiannya yang cepat (selepas

kefawatan Nabi SAW), dan peperangannya dengan ahl al-riddah yang menghalangnya dari pembukaan dan penambahan kota Islam seperti yang dicapai ÑUmar Al-KhalÍÊb RA".

Dengan itu, jelas bahawa perlantikan ÑUmar RA daripada Abu Bakar Al-ØiddÊq RA tidak bersifat konspirasi perebutan kuasa, menafikan hak Ahl Al-Bait, tersembunyi dengan niat yang jahat, atau bercanggah dengan dalil yang sahih dan sahih daripada Nabi SAW. Bahkan sebaliknya, lantikan ini merupakan pembenaran kehendak dalil dan ijma' yang tidak diragukan daripada para sahabat Nabi SAW.

Pemilihan Ketua Perang Mu'tah

Di dalam Maurid ini, Al-MÊsawÊ mendakwa bahawa perlantikan ketua peperangan ketika Perang Mu'tah ialah JaÑfar Bin AbÊ ÛÊlib RA, kemudian Zaid Bin ×Êrithah, kemudian ÑAbdullah Bin RawÊlah RA. Hal ini bertentangan dengan riwayat masyhur di kalangan Ahl Al-Sunnah -sebagaimana didakwa Al-MÊsawÊ-, iaitu perlantikan utama oleh Nabi SAW adalah di kalangan Ahl Al-Bait. Al-MÊsawÊ walaubagaimanapun tidak membawakan riwayat yang khusus bagi dakwaan ini. Namun beliau menggunakan hujah ini sebagai bukti tambahan bahawa persetujuan Abu Bakar RA untuk dilantik sebagai khalifah setelah kewafatan baginda SAW merupakan ijihad yang bertentangan dengan nas.

Daripada semakan lanjut, riwayat bahawa JaÑfar Bin AbÊ ÛÊlib RA merupakan individu pertama yang dilantik ketika Perang Mu'tah hanya mempunyai satu (1) sandaran asal. Sandaran ini ialah riwayat daripada Al-ÛÊsÊ (1414H) di dalam Al-AmÊiÊ. Namun riwayat tunggal ini mengandungi seorang perawi yang bernama MuÍammad Bin ÑImrÊn Bin MÊsÊ Abu ÑAbdillah Al-MarzabÊnÊ, dan beliau ialah guru kepada MuÍammad Bin MuÍammad Bin NuÑmÊn atau lebih dikenali sebagai Al-Syeikh Al-MufÊd, guru kepada Al-ÛÊsÊ. Al-MarzabÊnÊ merupakan seorang perawi yang ditohmah Al-AzharÊ dengan komentar: "Adalah Al-MarzabÊnÊ meletakkan tinta dan sebotol nabÊz, dan beliau menulis sambil meminum (arak tersebut), seorang MuÑtazilah, beliau menulis kitab berkenaan riwayat MuÑtazilah, dan bukanlah beliau seorang yang tsiqah". Begitu juga Al-KhalÍÊb Al-BaghdÊdÊ berkomentar: "Beliau bukan hujah, di sisi kami beliau pembohong, dan kebanyakan aib dirinya ialah mazhabnya dan tadhÍÊs¹⁵ dalam periwayatan" (Al-DhababÊ, 1986, jilid

¹⁵TadhÍÊs secara umumnya menyembunyikan kecacatan atau aib yang ada di dalam periwayatan hadis sehingga tidak diketahui kecacatan tersebut. Perbincangan tadhÍÊs ini terbahagi kepada tiga (3) pecahan. Pecahan pertama ialah tadhÍÊs al-isnâd. TadhÍÊs al-isnâd berlaku apabila seorang perawi meriwayatkan sesuatu hadis tanpa lafaz yang jelas bahawa beliau sendiri mendengar daripada gurunya tersebut seperti kata "telah berkata fulan" atau "dari fulan". TadhÍÊs juga turut

berlaku pada periwayatan yang meriwayatkan hadis secara jelas dari individu yang pada hakikatnya tidak beliau temui atau sempat mengambil hadis darinya. Pecahan kedua ialah tadhÍÊs al-suyûkh iaitu seorang perawi meriwayatkan hadis daripada gurunya dengan menggunakan gelaran gurunya yang tidak dikenali ramai. Manakala pecahan ketiga ialah tadhÍÊs al-taswih. Keadaan ini berlaku apabila seorang perawi meriwayatkan dari seorang perawi yang tsiqah, dari perawi yang ða'îf, daripada perawi yang

16 m/s. 448). Perkara yang sama turut disebutkan oleh Ibnu Hajar (1993) Oleh sebab yang demikian, status riwayat ini jatuh kepada palsu dan tidak boleh dijadikan sebagai nas.

No.	Peristiwa	Dakwaan Al-Mĕsawĕ	Hasil Analisis
1.	Hari Tsaqĕfah	Abu Bakar RA menyanggahi nas-nas yang jelas bahawa Nĕalĕ RA adalah Khalifah setelah Nabi SAW, setelah beliau menerima baiĕnah Khalifah.	Semua lima (5) riwayat hadis yang dibawakan Al-Mĕsawĕ sebagai alasan bahawa Nĕalĕ RA telah diisytihar sebagai Khalifah selepas Nabi SAW didapati berstatus palsu. Malahan terdapat riwayat 'Alĕ RA memberi baiĕnah kepada Abu Bakar RA yang berstatus sahih.
2.	Janji Khilĕfah Kepada Umar RA	Abu Bakar RA telah menjanjikan jawatan Khalifah kepada Nĕumar Al-Khalĕĕb RA, sekali lagi menyanggahi nas-nas pengisytiharan Nĕalĕ RA sebagai Khalifah oleh Nabi SAW sendiri.	Perlantikan Nĕumar RA sebagai Khalifah telah dipersetujui oleh sahabat-sahabat yang utama, kaum Muhajirin dan Ansar. Wasiat ini telah ditulis dan dibacakan di Masjid Nabawi, dan diperakui oleh semua sahabat yang hadir.
3.	Pemilihan Ketua Perang Mu'tah	Perlantikan Jaĕfar Bin Abĕ Ŭĕlib RA sebagai komander Perang Mu'tah, merupakan dalil jelas bahawa ketua wajib daripada kalangan Ahl Al-Bait Nabi SAW.	Riwayat bahawa Jaĕfar RA dilantik sebagai komander peperangan pertama mendahului Zaid Bin Harĕthah RA hanya mempunyai satu (1) sanad yang melalui Al-Marzabĕnĕ, seorang pendusta. Sanad ini berstatus palsu.

Rajah 2. Ringkasan Analisis Sampel Dakwaan Al-Mĕsawĕ

Kesimpulan

Pada kesimpulannya, perkembangan Syiah di Indonesia dan Malaysia merupakan satu permasalahan

yang berpanjangan. Kaedah penyebaran utama mereka adalah melalui propaganda dan penulisan. Isi utama dan hujah penulisan ini kebanyakannya berasal daripada penulis Al-Sayid Al-Mĕsawĕ. Beliau merupakan seorang mujtahid di kalangan Syiah yang banyak mengkaji koleksi periwayatan Ahl Al-Sunnah dalam mencari kelemahan akidah Ahl Al-Sunnah. Di antara penulisan utama beliau, Al-Naĕ Wa Al-Ijtihĕd, menyelar sahabat utama Nabi SAW, Ibnu Abĕ Quhĕfah Abu Bakar Al-Ŭiddĕq RA. Al-Mĕsawĕ menyelar bahawa Abu Bakar RA tidak mempunyai autoriti untuk mengeluarkan ijtihad. Kajian mendapati bahawa Abu Bakar RA merupakan individu yang memenuhi semua syarat seorang mujtahid dari kalangan sahabat RA, di mana kelayakan beliau ini diiktiraf oleh Nabi SAW. Tiga (3) sampel pendalilan Al-Mĕsawĕ dibincangkan. Al-Mĕsawĕ mendakwa bahawa Abu Bakar RA telah menyanggahi nas yang jelas dalam tiga (3) insiden ini. Analisis mendapati bahawa semua dalil yang dibawakan oleh Al-Mĕsawĕ berstatus palsu dan tidak boleh dijadikan hujah.

Bibliography

- Abu Al-Wafĕ, 'Alĕ Bin 'Uqail. (1999). Al-Wĕdĕh Fi Uĕul Al-Fiqh. Beirut: Muassasat Al Risĕlah.
- Aĕmad bin ĕanbal. (1421H). Musnad Aĕmad. T.tp.: Muassasat Al-Risĕlah.
- Aĕmad Suhael. (2016, 21 April). Dakwaan Ada 30,000 Pengikut Syiah Di Malaysia Tidak Benar. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/04/146011/dakwaan-ada300000-pengikut-syiah-di-malaysia-tidak-benar>
- Al-Alĕsĕ, Maĕmĕd Syukri Al-Baghdĕdĕ. (T.t.). Rĕh Al-Ma'ĕnĕ Fi Tafsĕr Al-Qurĕn Al Karĕm Wa Al-Sab'u Al-Mathĕnĕ. Beirut: Dar Iĕya' Al-Turĕth Al-'Arabĕ.
- Al-Bukĕarĕ, Muĕammad Bin Ismĕ'ĕl. (1422H). Al-Jĕmĕ' Al-Musnad Al-ĕaĕĕh. T.tp.: Dĕr Tĕq Al-Najĕh.
- Al-Dhabĕbĕ, Muĕammad bin Aĕmad bin 'Uthmĕn. (2009). Mĕzĕn Al-I'tidĕl Fi Naqd Al-Rijĕl. Beirut: Dar Al-Ma'rĕfah.
- Al-Hĕkim, Abu Abdullah Al-Naisĕbĕrĕ. (1995) Al-Mustadrak 'Ala Al-ĕaĕĕhayn. Beirut: Dĕr Al-Kutub Al-'ĕlmĕh.
- Al-Kulainĕ, Muĕammad Bin Ya'qĕb. (T.t.). Al-Uĕul Min Al-Kĕfĕ. Ta'ĕiq 'Alĕ Akbar Al Ghafĕrĕ. Tehran: Dĕr Al-Kutub Al-Islĕmĕyah.
- Al-Mubĕarakfĕrĕ, ĕafĕy Al-Raĕmĕn. (2007). Al-Raĕĕq Al-Makĕtĕm. Qatar: Wizĕrat Al Auqĕf Wa Al-Syu'ĕn Al-Islĕmĕyah.
- Al-Mĕsawĕ, Al-Sayid 'Abd Al-ĕusain Syarafuddĕn. (1984). Al-

tsiqah. Periwayat tersebut memadamkan nama perawi yang *daĕĕf* ketika meriwayatkan hadis tersebut. Oleh itu sanad hadis perawi ini tampak cantik dan sahih (Ibnu Hajar, 1980).

- Naş Wa Al-Ijtihād. Tehran: Muassasat Al-Bi'tsah.
- Al-Nasā'ī, Ahmad bin Syu'aib. (2015). Sunan Al-Nasā'ī. Riyadh: Dar Al-Haḍarat Li Al-Nasyr Wa Al-Tauzī'.
- Al-Nawawī, Abu Zakaria Yahya bin Syarf. (1392H). Syarah Şaḥīḥ Muslim. Beirut: Dār Iḥyā' Al-Turāth Al-'Arabī.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. (2001). Min Ajli Şahwati Al-Rāsyidah Tujaddid Al-Dīn. Kaherah: Dār Al-Syurūq.
- Al-SyÉfiŇĒ, Mułammad Bin IdrĒs. (1410H). Al-Umm. Beirut: Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Ṭabarī, Muhammad bin 'Alī. (1967). Tārīkh Al-Umam Wa Al-Muluk. Beirut: Dar Al-M'āruf.
- Al-Tirmizī, Abu 'Īsā. (1996). Sunan Al-Tirmizī. T.tp.: Dār Al-Ghurūb Al-Islāmī.
- Al-Ṭūsī, Muḥammad bin Al-Ḥasan. (1414H). Al-Amālī. T.tp.: Muassasat Al-Bi'sah.
- Al-Zarkasyī, Badr Al-Dīn Muḥammad. (1992). Al-Baḥr Al-Muḥīṭ Fī Ahwāl Al-Fiqh. Kaherah: Dār Al-Şafwah.
- Ali, Asghar. (2008). Islam in Post-Modern World. Delhi: Hope India Publications.
- Blank, Jonah. (2001). Mullah's on the Mainframe: Islam and Modernity Among the Dā'ūdī Bohras. Amerika Syarikat: University of Chicago Press.
- Dewan Negeri Selangor. (2013). Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor. No. 224: Penyebaran Syiah. <https://dewan.selangor.gov.my/question/penyebaran-syiah/>
- Farj Al-'Umrān. (2001). Al-Uşūliyyah Wa Al-Akḥbāriyyah Firqat Al-Wāḥidah. T.tp: Maktabah Āl Al-Bait.
- Helmiati, M. AG. (2014). Sejarah Islam Asia Tenggara. Riau: Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.
- Ibnu Abī Al-Ḥadīd. (1959). Syarḥ Nahj Al-Balāghah. Beirut: Dār Iḥyā' Al-Kutub Al-'Arabiyah.
- Ibnu 'Adī, Abdullah Al-Jurjānī. (T.t.) Al-Kāmil Fi Al-Ḍu'afa' Al-Rijāl. Beirut: Dār Al Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Ibnu Hajar Al-'Asqālānī, Syihābuddīn Aḥmad bin 'Alī. (2013). Fath Al-Bārī Syarḥ Şaḥīḥ Al-Bukḥārī. T.tp.: Dar Al-Risālah Al-'Ilmiyyah.
- _____. (1980). Ta'rīf Ahl Al-Taḳdīs Bimarātib Al-Mauşūfin Bi Al Tadrīs. Jordan: Maktabat Al-Manār.
- Ibnu Ḥazm, 'Alī Bin Ahmad. (2016). Al-Iḥkām Fī Uşūl Al-Aḥkām. Berut: Dār Ibnu Jazm.
- Ibnu Katsīr, Ismā'īl bin Katsīr. (1990). Al-Bidāyah Wa Al-Nihāyah. Beirut: Maktabat Al-Ma'ārif.
- _____. (1990). Al-Bidāyah Wa Al-Nihāyah. Beirut: Maktabat Al-Ma'ārif.
- _____. (2000). Tafsīr Al-Qurān Al-Aẓīm. Beirut: Dār Al-Fikr.
- 'Iyāḍ Bin Nāmī Al-Salmī. (2005). Uşūl Al-Fiqh Alladzī Lā Yasi'u Al-Faqīh Jahlahu. Riyadh: Dār Al-Tadmuriyah.
- JalÉluddin ŇAbd Al-RālmĒn Al-SayĒĒ. (2003). TĒrĒkh Al-KhulafĒ'. Beirut: DĒr Al-xazm.
- Kamaluddin Nurdin Marjuni. (2011). Nasyatu Al-Firaqu Wa Tafarruquha. Beirut: Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyah.
- Māni' Bin Ibrāhīm. (1418H). Al-Mausū'ah Al-Muyassarah Fi Al-Adyān Wa Al-Mazāhib Wa Al-Aḥzāb Al-Mu'āsarah. Arab Saudi: Al-Nadwah Al-'Ālamiyah Li Al Ṭabā'ah Wa Al-Tauzī'.
- Maḥmūd Al-Ṭaḥḥān. (1985). Taisir Muşṭalah Al-Ḥadīth. Riyadh: Maktabah Al-Nasyr Wa Al-Tauzī'.
- Moh. Hasim. (2012). Syiah: Sejarah Timbul dan Perkembangannya di Indonesia. Jurnal Multikultural & Multireligius, Vol. 11 (4), m/s. 22-33.
- Muhammad Saufi Hassan. (2024, Jun 9). Mengang Terdapat Fahaman Syiah. Harian Metro Online. <https://www.hmetro.com.my/utama/2024/06/1098673/memang-terdapat-fahaman-syiah>
- Muslim bin Ḥajjāj (T.t) Al-Musnad Al-Şaḥīḥ Al-Mukṭaşar. Beirut: Dar Iḥyā' AlTurāth Al-'Arabī.
- Muzaffar Muhammad, Rizwana Kausar & Naila Afzal. (2018). Muhammad Reza Shah Pahlavi Reign: An Analysis of White Revolution. Jurnal Pakistan Languages and Humanities Review, Vol. 2 (2), m/s. 1-12.
- Oki Setiana Dewi. (2016). Syiah: Dari Kemunculannya Hingga Perkembangannya di Indonesia. Jurnal Studi Al-Quran: Membangun Tradisi Berfikir Qur'ani, Vol. 12 (2), m/s. 217-237.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2011). Membendung Pengaruh Syiah di Malaysia. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Sulaiman Noordin (1996). Gerakan Syiah di Nusantara Kini. Prosiding Seminar Ahl al Sunnah dan Syiah Imamiyah: Aspek Persamaan dan Perbezaan, m/s. 168-177.
- Wan Ahmad Naqiuddin. (2024). Waspada Penyebaran Ajaran Sesat Baharu 'Agama Ahmadi'. Laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/5857-al-afkar-146-waspada-penyebaran-ajaran-sesat-baharu-agama-ahmadi>